

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 12 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 19**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1432-L09291  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelan tindakan untuk membantu individu-individu yang berdepan masalah kewangan dan pembayaran hutang akibat pandemik COVID-19, khususnya selepas tamat tempoh moratorium pada September 2020 bagi mengelakkan berlakunya peningkatan bilangan individu muflis.
  
2. PR-1432-L10064  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan :-
  - (a) apakah usaha pembangunan yang telah dilaksanakan ke atas tanah-tanah terbiar yang banyak di daerah Papar dan berapa jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini dari Mei 2018 untuk pembangunan di P.175; dan
  
  - (b) kenapa LKIM telah mengeluarkan polisi untuk mengharamkan pengeksporan ikan dan udang keluar negara, ini tidak adil kepada negeri yang mempunyai hasil laut yang banyak seperti Sabah.
  
3. PR-1432-L09722  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil pihak Kementerian dalam memastikan kepuasan hati rakyat terhadap kualiti dan penerimaan perkhidmatan siaran TV Digital yang telah disediakan melalui *MyFreeview*.

4. PR-1432-L09342  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
  - (a) jumlah hutang negara dan liabiliti sebenar Kerajaan terkini dan jumlah anggaran hasil pendapatan negara pada tahun 2020; dan
  - (b) langkah-langkah untuk memulihkan ekonomi serta meningkatkan hasil pendapatan negara susulan impak wabak COVID-19.
  
5. PR-1432-L08777  
**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah tahap pelaksanaan dasar penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2020 dan adakah Kementerian bercadang untuk meluaskan pelaksanaannya ke sektor pengangkutan awam.
  
6. PR-1432-L09946  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci butir-butir tender MCMC bagi membina 50 menara telekomunikasi di seluruh Sabah di bawah fasa pertama National Fiberisation and Connectivity Plan (NFCP 1) kepada Edotco Malaysia Sdn Bhd dan FGV Prodata Systems Sdn Bhd. Siapakah pemilik menara-menara telekomunikasi ini setelah siap dibina.
  
7. PR-1432-L09635  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sejauh mana Pelan Tindakan Keselamatan Makanan APEC Ke Arah 2020 dikaji semula secara menyeluruh bagi menjamin keselamatan makanan (*food security*) negara.
  
8. PR-1432-L08740  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah status permohonan Perbadanan Bukit Bendera untuk penyenaian sebagai *UNESCO Biosphere Reserve* dan apakah langkah-langkah tambahan yang perlu dibuat.

9. PR-1432-L09347  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah terbaru Kementerian setelah berdepan dengan pandemik COVID-19 dan proses Perintah Kawalan Pergerakan mengenai ekosistem cara hidup digital masyarakat Malaysia di luar bandar dan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak yang tidak mendapat akses jalur lebar dan perkhidmatan 3G/4G yang tidak memuaskan.
10. PR-1432-L09004  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai sekolah-sekolah daif di Sarawak yang sedang dibaik pulih dan nyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk projek pembangunan semula sekolah-sekolah daif di Sarawak.
11. PR-1432-L09021  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah pemilikan tanah mengikut kaum untuk setiap 14 negeri di Malaysia serta bahagikan mengikut kategori bandar, pekan dan kampung atau bandar dan luar bandar. Nyatakan jumlah keluasan tanah Rizab Melayu di setiap 14 negeri serta adakah Kementerian bercadang untuk menambah tanah Rizab Melayu itu.
12. PR-1432-L09439  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) berapa bilangan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan universiti awam yang belum mendapat penempatan selepas tamat belajar sekurang-kurangnya setahun ; dan
  - (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi membela nasib graduan-graduan ini.
13. PR-1432-L09802  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha pihak Kerajaan dalam membantu ekonomi para peniaga kecil dan sederhana yang terkesan teruk akibat pandemik COVID-19. Apakah pelan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara.

14. PR-1432-L09371  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah dan menengah dapat menyediakan pelajar terbabit ke alam pekerjaan kelak.
15. PR-1432-L09727  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah hasil dapatan yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi mengkaji modul baru untuk pelaksanaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN).
16. PR-1432-L09761  
**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan bagi memastikan internet jalur lebar di negeri Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan di luar bandar besar seperti di Muar dapat dipertingkatkan bagi menjamin kemudahan pendidikan dan perniagaan, sekali gus dapat merencanakan pelaburan di sesebuah tempat.
17. PR-1432-L09657  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan pelan strategik pihak Kementerian dalam memastikan rantaian bekalan makanan negara mencukupi dan terjamin semasa dunia menghadapi wabak COVID-19 dan krisis iklim.
18. PR-1432-L09896  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada moratorium terhadap bayaran hutang pinjaman perumahan dan kenderaan akan dipanjangkan tempohnya untuk enam bulan lagi memandangkan kebanyakan perniagaan tidak dapat kembali menjana pendapatan yang tetap dan kadar pengangguran masih tinggi.
19. PR-1432-L09450  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jaminan Kerajaan supaya lapangan terbang di seluruh negara sentiasa bebas dan selamat daripada ancaman wabak COVID-19.

20. PR-1432-L09568  
**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian sekarang akan memberi komitmen kepada Pembangunan Seni dan Budaya Malaysia yang sedang mengalami kemelut kekurangan pelapis dan pewaris yang mampu untuk meneruskan legasi seni dan budaya Malaysia seperti Mak Yong, Mek Mulong, Dondang Sayang dan sebagainya. Jelaskan bagaimana kerajaan baru akan menjaga kebajikan adi guru, seniman, budayawan dan veteran-veteran yang telah banyak menyumbang kepada seni budaya tanah air Malaysia.
21. PR-1432-L09140  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan keupayaan dan perancangan Kementerian menangani masalah pengeluaran makanan asas akibat daripada masalah wabak COVID-19 dan pemanasan global.
22. PR-1432-L08751  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar IPTA yang terdiri dari anak asnaf dan dari golongan keluarga B40 dan nyatakan langkah Kementerian bagi membantu pelajar-pelajar ini untuk mendapatkan makanan dan memenuhi keperluan harian.
23. PR-1432-L09205  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan pelan Kementerian untuk memastikan pelajar-pelajar terutamanya di luar bandar yang kurang kemudahan internet supaya tidak ketinggalan dalam '*home-based learning*' yang telah diperkenalkan disebabkan COVID-19 dan bilakah Kementerian bercadang untuk menyambung sesi persekolahan untuk pelajar-pelajar bukan tingkatan 5 dan 6.
24. PR-1432-L10009  
**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan susulan dengan pengumuman Kementerian meluluskan Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) berjumlah RM942 juta semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), apakah tindakan yang diambil terhadap Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang mengenakan kenaikan bil elektrik secara mendadak kepada pengguna semasa PKP.

25. PR-1432-L09758  
**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan memberikan komitmen serta membentangkan rancangan untuk mengharamkan perkahwinan di bawah umur bagi memastikan eksploitasi kanak-kanak dapat dibendung.
26. PR-1432-L09234  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil oleh Kerajaan sekarang di semua pintu masuk sempadan negara, lapangan-lapangan terbang dan pelabuhan untuk melakukan saringan dan pemeriksaan perubatan pada sepanjang masa mulai sekarang.
27. PR-1432-L09520  
**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) status terkini jumlah perolehan penjualan aset dan saham hak milik Kerajaan termasuk Khazanah; dan
  - (b) rasional penjualan ini dilaksanakan dan ke mana hasil penjualan tersebut telah digunakan.
28. PR-1432-L08957  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) sehingga kini. Perincian juga perkembangan terkini cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP), Kedah.
29. PR-1432-L09423  
**Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan tahap pencapaian pembekalan daging lembu dan kambing tempatan untuk tahun 2017, 2018 dan 2019 dan nyatakan sasaran untuk 10 tahun yang akan datang.
30. PR-1432-L09805  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam menyediakan rangkaian telekomunikasi serta capaian internet di kawasan-kawasan pedalaman yang masih belum mendapat liputan terutamanya di dalam kawasan Parlimen Kinabatangan.

31. PR-1432-L09272  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membina kembali aset-aset strategik negara dan apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk membeli semula aset strategik yang telah dijual oleh Kerajaan semasa pemerintahan Pakatan Harapan.
32. PR-1432-L08992  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan masalah buli di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Setakat mana langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian telah dapat mencegah atau mengurangkan masalah ini.
33. PR-1432-L09453  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman tambahan oleh Kerajaan Persekutuan dan berikan pecahan jenis pinjaman tempatan atau asing ini, serta nyatakan mengapa pinjaman Kerajaan Persekutuan tidak digandakan untuk memberikan suntikan fiskal secara langsung untuk menyelamatkan pekerjaan dan perniagaan.
34. PR-1432-L09771  
**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Damansara ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah peningkatan atau pengurangan perbelanjaan pengurusan dan pembangunan Kerajaan akibat wabak COVID-19. Kementerian Kewangan telah mengumumkan peningkatan defisit sehingga sekadar 6% - apakah pecahan sebab peningkatan akibat tambah perbelanjaan berbanding kemerosotan pertumbuhan ekonomi.
35. PR-1432-L08831  
**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah sedia ada bagi mengembangkan perkhidmatan bank-bank di Bahagian Serian amnya dan di daerah Tebedu khasnya.
36. PR-1432-L08794  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Projek Keretapi Rapid Transit System (RTS) dari Johor Bahru ke Singapura akan dimulakan.

37. PR-1432-L08787  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memperincikan isu guru yang berada dalam tempoh cuti bersalin selama 90 hari. Berdasarkan laporan yang dibuat oleh seorang waris dari Padang Serai, pihak sekolah tidak dibekalkan dengan guru ganti dan PIBG serta pihak pengurusan sekolah terpaksa menanggung kos guru ganti tersebut. Apakah langkah penyelesaian oleh Kementerian mengenai isu ini.
38. PR-1432-L09003  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan selepas tamatnya kontrak Jepak Holdings, adakah Kementerian bercadang untuk menganugerahkan kontrak baru pembekalan diesel dan genset untuk sekolah-sekolah luar bandar Sarawak atau menyambung terus ke grid bekalan utama elektrik dan menggunakan tenaga solar.
39. PR-1432-L08870  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pada masa kini, berapa ramai yang telah memohon untuk RM50 inisiatif e-dompot dan berapa banyak yang telah dibayar.
40. PR-1432-L09527  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah aduan diterima Suruhanjaya Tenaga berkenaan isu bil elektrik tinggi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Adakah TNB telah melanggar *Minimum Standard Level* (MSL) dalam penyediaan bil yang melebihi satu bulan dan apakah tindakan untuk setiap kes aduan.
41. PR-1432-L09163  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan projek pembinaan terminal jeti feri baru di Pelabuhan Kuala Kedah.
42. PR-1432-L09380  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan fungsi AKPK dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelanggan institusi kewangan. Berapakah kes yang diselesaikan oleh AKPK dalam tempoh lima tahun yang lalu dan apakah cadangan untuk menambah baik peranan AKPK dalam sektor kewangan.

43. PR-1432-L09613  
**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) ini membantu dalam menjadikan teknologi asas pemulihan ekonomi pasca COVID-19 bagi golongan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
44. PR-1432-L09265  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang berkesan menangani kemerosotan ekonomi negara akibat daripada serangan wabak COVID-19 sejak bulan Mac 2020 yang lalu.
45. PR-1432-L10051  
**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan dasar *Net Energy Metering* (NEM) telah dikaji semula oleh Menteri MESSTEC pada 1 Januari 2019 di mana penggunaan teknologi ini dapat mengurangkan harga jual-beli elektrik pengguna dengan cara menjana dan menggunakan elektrik melalui solar panel. Namun, penggunaan dasar NEM ini dibahagikan mengikut kuota iaitu penggunaan domestik dan bukan domestik. Sehubungan itu, apakah hala tuju Kementerian dalam memastikan kepentingan Kerajaan Negeri terpelihara dalam pemberian kuota '*Large Scale Solar*' melalui kuota negeri.
46. PR-1432-L09155  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi untuk memulihkan ekonomi negara selepas pandemik COVID-19. Berapakah anggaran kesan kerugian negara berpunca dari pandemik ini.
47. PR-1432-L08991  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mengiktiraf pelajar-pelajar lepasan TVET kerana mereka menghadapi masalah mendapatkan jawatan di dalam GLC atau sektor awam.
48. PR-1432-L09053  
**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana sektor ekonomi terkesan akibat penularan wabak COVID-19 dan langkah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menangani masalah yang wujud dalam sektor-sektor tersebut.

49. PR-1432-L09580

**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada berhasrat untuk meneruskan pengekelan harga siling petrol RON 95 dan apakah rancangan untuk mengurangkan beban hidup rakyat sekiranya harga minyak mentah meningkat.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**
  - \* Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020.
  
2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**
  - \* Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020 (D.R. 1/2020) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2019 seperti berikut :-**

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion sembilan ratus tujuh puluh juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM4,970,497,700) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2019 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ( 11 Ogos, 2020 )**

- |    |                |   |                          |                                   |
|----|----------------|---|--------------------------|-----------------------------------|
| 2. | ( D.R 2/2020 ) | Rang Undang-Undang<br>(Penguntukan Semula<br>Perbelanjaan) 2020 | Perbekalan<br>Peruntukan | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
|----|----------------|---|--------------------------|-----------------------------------|

**[ Menteri Kewangan ]**

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

"DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

- |    |                 |   |                               |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 3. | ( DR.4/2020 )   | Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>   |                               |
| 4. | ( DR.3/2020 )   | Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020  | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Pengangkutan ]</b>   |                               |
| 5. | ( D.R 37/2019 ) | Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019   | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Kesihatan ]</b>  |                               |
| 6. | ( D.R 42/2019 ) | Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019  | "                             |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>  |                               |

7. ( D.R. 25/2019 )Rang Undang-Undang Suruhanjaya **Bacaan Kali**  
Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 **Yang Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM25,800 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM12,500 juta dari Jun sehingga Disember 2019 dan RM13,300 juta dari Januari sehingga Jun 2020 ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

9. PR-1432-UL064

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujui."

10. PR-1432-U(27)116

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1432-U(27)114

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

12. PR-1432-U(27)115

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

13. PR-1432-U(27)119

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

**[ Menteri Kewangan ]**

14. PR-1432-U(27)120

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

15. PR-1432-U(27)121

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

16. PR-1432-U(27)122

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

17. PR-1432-U(27)123

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

**[ Perdana Menteri ]**

18. PR-1432-U(27)124

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

19. PR-1432-U(27)126

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

**[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]**

20. PR-1432-U(27)127

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

**[ Menteri Pertanian Dan Industri Makanan ]**

21. PR-1432-U(27)128

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

22. PR-1432-U(27)125

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1432-U(27)117

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

24. PR-1432-U(27)118

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

25. PR-1432-U(27)129  
**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [ Langkawi ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."  
**[ Perdana Menteri ]**
26. PR-1432-U(27)132  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."  
**[ Perdana Menteri ]**
27. PR-1432-U(27)131  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :  
  
Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;  
  
Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;  
  
Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

**[ Perdana Menteri ]**

28. PR-1432-U(27)130

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [ Arau ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

**[ Perdana Menteri ]**

29. PR-1432-U(27)133

**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu mengkaji semula dan mempertimbangkan cadangan untuk memanjangkan tempoh moratorium pinjaman kepada semua pihak tanpa mengira *status quo* bagi suatu tempoh yang difikirkan sesuai. Hal ini kerana krisis pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 telah menjejaskan pendapatan sebilangan besar rakyat Malaysia. Kebelakangan ini, kes jangkitan COVID-19 baharu juga telah menunjukkan peningkatan dan keadaan ini berpotensi untuk Kerajaan mengetatkan semula PKP yang akan memperlahankan aktiviti ekonomi."

**[ Menteri Kewangan ]**

30. PR-1432-U(27)134

**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu bagi mempertimbangkan dan mengembalikan semula cuti sekolah pada hujung tahun sebagai langkah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan memperkasakan ekonomi rakyat. Dengan mengembalikan cuti sekolah pada hujung tahun, kita boleh jangkakan bahawa rakyat akan mengambil kesempatan untuk pulang ke kampung halaman dan berkunjung ke tempat-tempat pelancongan dalam negara. Hal ini akan merancakkan sektor pelancongan dan ekonomi luar bandar yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Cuti sekolah pada hujung tahun sememangnya telah terbukti suatu tempoh yang ditunggu-tunggu oleh para pemain industri dari pelbagai sektor, khususnya sektor pelancongan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2020</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 66	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Tahun 2018	12 Ogos 2020

**( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 12.08.2020 (Rabu)	1. YB Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)	1. UTC Sandakan Perlu Disiapkan Dengan Segera Seperti Yang Dirancang Untuk Kebaikan Rakyat Di Pantai Timur Sabah	1. YB Menteri Kewangan
2. 12.08.2020 (Rabu)	2. YB Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)	2. Pembuangan Sampah Secara Haram Berleluasa Khususnya Dalam Kawasan Parlimen Tebrau	2. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

: **Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**